

Laman Ilmu@UKM jadi hab inovasi, penyelidikan

Oleh **Affan Rostam** - Ogos 7, 2023 @ 10:35pm
affan.rostam@bh.com.my



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Laman Ilmu@UKM di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), hari ini. - Foto BERNAMA

BANGI: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan membangunkan Laman Ilmu@UKM sebagai hab inovasi dan penyelidikan, yang memfokuskan kepada cubaan klinikal dan rawatan menggunakan sel stem.

Projek pembangunan bernilai kira-kira RM9.4 juta dengan kerjasama Universiti Tsinghua dan Institut Penyelidikan Yangtze dari China itu, dijangka siap pada 2025.

Ia dibangunkan bersekali dengan komponen kejuruteraan dan teknologi maklumat dan mengandungi elemen keusahawanan serta pembinaan ruang komersial.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata inisiatif UKM itu mampu mengangkat pendidikan negara ke tahap lebih baik.

Beliau berkata, pembangunan Laman Ilmu@UKM adalah selaras dengan agenda utama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu menguruskan pelbagai perubahan dan ledakan teknologi, serta memperkukuhkan kekuatan sumber intelektual Malaysia.

"Saya yakin projek pembangunan terancang dan berkualiti seperti ini dapat merencangkan aktiviti ekonomi dan menyediakan kemudahan prasarana terbaik.

"Ia juga bertujuan menarik perhatian lebih ramai pelajar tempatan dan luar negara untuk melanjutkan pengajian di Malaysia terutama di UKM, seiring salah satu agenda utama KPT iaitu Memperkukuhkan peranan Malaysia sebagai pusat bakat dan pengetahuan.

"Projek ini bukan mengutamakan penjanaan pendapatan semata-mata, sebaliknya turut menyumbang kepada gaya hidup sihat yang mana pelajar UKM dan masyarakat setempat dapat beriadah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Laman Ilmu@UKM di sini, hari ini.

Komponen inovasi yang dibina melalui projek itu adalah bahagian permulaan, bahagian usahawan dan makmal digital.

Kerjasama UKM dengan universiti dari China itu juga bakal menawarkan program ijazah lanjutan peringkat sarjana dan doktor falsafah kepada pelajar, selain dijadikan kawasan rekreasi bercirikan laman hijau.

Sementara itu, Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata projek berkenaan adalah satu lagi kejayaan dalam memberi impak positif kepada warga UKM dan masyarakat setempat.

"Pengurusan projek ini adalah usaha UKM meningkatkan penjanaan pendapatan yang menjadi satu daripada agenda utama kami dan perlu dilaksanakan secara bersepadu dengan pembabitan semua pihak di universiti ini.

"Projek pembangunan ini akan menyajikan ruang makanan dan minuman yang lebih santai dan menarik serta memberi nilai tambah ke atas kawasan rekreasi sedia ada yang berfungsi sebagai 'Green Lung' untuk kegunaan masyarakat setempat," katanya.